

**Embargo sehingga jam 1200,
Isnin, 4 November 2019**

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN SEPTEMBER 2019 DAN TEMPOH JANUARI-SEPTEMBER 2019 #

Lebih Dagangan Januari-September 2019 Tertinggi dalam Masa Sedekad

Lebih dagangan Malaysia pada Januari hingga September 2019 bernilai RM100.86 bilion, meningkat 15.3% berbanding RM87.47 bilion pada tempoh yang sama tahun 2018. Ini merupakan lebih dagangan Januari-September yang tertinggi dicatatkan sejak 10 tahun yang lalu.

Sejajar dengan permintaan luar yang lemah dan persekitaran global yang mencabar, jumlah perdagangan pada 9 bulan pertama tahun 2019 menyusut 2.2% kepada RM1.356 trilion. Perdagangan yang lebih rendah dicatatkan dengan Singapura, Hong Kong SAR, Perancis dan Jepun. Peningkatan perdagangan walau bagaimanapun direkodkan dengan Amerika Syarikat (AS), Arab Saudi dan Filipina. Eksport menurun 1.1% kepada RM728.52 bilion manakala import berkurang 3.3% kepada RM627.66 bilion.

Jumlah perdagangan bernilai RM147.07 bilion pada September 2019, berkurang 2.7% tahun ke tahun. Pengurangan perdagangan telah dicatatkan dengan Singapura, Hong Kong SAR, Taiwan, Australia, Thailand dan Belanda. Namun begitu, peningkatan perdagangan direkodkan dengan China, India, Republik Korea (ROK), AS dan Arab Saudi. Eksport menurun 6.8% kepada RM77.7 bilion. Import berjumlah RM69.37 bilion, 2.4% lebih tinggi berbanding September 2018.

Lebih dagangan Malaysia pada September 2019 bernilai RM8.34 bilion, menyusut 46.5% berbanding September 2018 dan mencatatkan lebih dagangan yang ke-263 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport, import dan lebih dagangan masing-masing mencatatkan pengurangan 3.1%, 4.5%, 1.6% dan 23.5%.

Jumlah perdagangan pada suku ketiga (S3) tahun 2019 menyusut 3.7% kepada RM460.53 bilion berbanding S3 2018. Eksport pada suku ini bernilai RM247.02 bilion, 1.9% lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun lalu dan import menurun 5.8% kepada RM213.51 bilion. Lebih dagangan bagi S3 2019 merekodkan peningkatan dua digit 33.3% kepada RM33.51 bilion berbanding RM25.14 bilion yang dicatatkan pada S3 2018.

Berbanding suku kedua (S2) 2019, jumlah perdagangan, eksport dan lebih dagangan masing-masing naik sebanyak 0.01%, 0.6% dan 10.2%, manakala import turun 0.7%.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Barangan Perkilangan Menyumbang 85.4% Daripada Jumlah Eksport pada September 2019

Eksport barangan perkilangan pada September 2019 yang bernilai RM66.34 bilion atau 85.4% daripada jumlah keseluruhan eksport, menurun 5.8% berikutan pengurangan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia serta tekstil, pakaian dan kasut. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport dicatatkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Eksport hasil galian (7.3% syer) bernilai RM5.69 bilion, turun 15.2% disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport petroleum mentah yang mencatatkan kuantiti dan nilai unit purata (AUV) yang lebih rendah.

Eksport keluaran pertanian (6.7% syer) bernilai RM5.17 bilion, turun 8.3% disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit terutamanya minyak sawit yang menurun 9.3% kepada RM3.05 bilion berikutan kuantiti dan AUV yang lebih rendah.

Barangan eksport utama pada September 2019:

- Barangan E&E bernilai RM29.04 bilion dan merangkumi 37.4% daripada jumlah eksport, turun 12.2% berbanding September 2018;
- Keluaran petroleum, RM5.34 bilion, 6.9% daripada jumlah eksport, turun 13.4%;
- Kimia dan bahan kimia, RM4.33 bilion, 5.6% daripada jumlah eksport, turun 11.5%;
- Barangan optik dan saintifik, RM3.55 bilion, 4.6% daripada jumlah eksport, naik 12.8%; dan
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM3.43 bilion, 4.4% daripada jumlah eksport, turun 9.4%.

Berbanding Ogos 2019, eksport barangan perkilangan, keluaran pertanian dan hasil galian masing-masing menyusut 3.4%, 13.5% dan 5%.

Pada Januari hingga September 2019, eksport barangan perkilangan menurun secara marginal sebanyak 0.1% kepada RM614.7 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018, disebabkan terutamanya oleh pengurangan eksport keluaran petroleum, barangan E&E dan barangan perkilangan logam. Eksport hasil galian menyusut 5.1% kepada RM60.19 bilion berikutan penurunan eksport petroleum mentah. Eksport keluaran pertanian menurun 4.6% kepada RM48.22 bilion disebabkan terutamanya oleh eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang lebih rendah.

Prestasi Perdagangan dengan Pasaran Utama

Eksport Ke ASEAN Kekal pada Paras yang Hampir Sama pada Januari-September 2019

Perdagangan dengan ASEAN pada September 2019 yang merangkumi 26.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia menurun 8.1% tahun ke tahun kepada RM38.54 bilion. Eksport ke ASEAN menyusut 8.6% kepada RM21.62 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E. Eksport barangan E&E merosot 23.7% kepada RM6.68 bilion, menyumbang 30.9% kepada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Manakala, jentera, kelengkapan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam serta barangan besi dan keluli merekodkan peningkatan. Import dari ASEAN menyusut 7.4% kepada RM16.92 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN:

- Singapura RM10.72 bilion, menurun 11.7%
- Thailand RM4.02 bilion, ↓4.3%
- Viet Nam RM2.46 bilion, ↓5.4%
- Indonesia RM2.42 bilion, ↓11.8%
- Filipina RM1.42 bilion, ↓4.2%
- Kemboja RM205.1 juta, ↑76.7%
- Myanmar RM194.8 juta, ↑9.5%
- Brunei RM174.4 juta, ↓1.5%
- Lao PDR RM3.3 juta, ↑22.7%

Eksport ke pasaran utama ASEAN yang mencatatkan penurunan adalah **Singapura**, yang menurun sebanyak RM1.42 bilion serta **Thailand** (↓RM181.1 juta) berikutan penurunan eksport barangan E&E dan **Viet Nam** (↓RM140.1 juta, keluaran petroleum).

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan dan eksport masing-masing merekodkan penurunan 3.1% dan 5.6% manakala import meningkat 0.3%.

Pada Januari hingga September 2019, perdagangan dengan ASEAN menyusut 4% kepada RM360.41 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke

rantau ini mengekalkan nilai yang hampir sama iaitu RM209.1 bilion berbanding RM209.95 bilion pada Januari hingga September 2018. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi keluaran petroleum, petroleum mentah, barangan E&E serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import menurun 8.5% kepada RM151.32 bilion.

China – Perdagangan Meningkat pada September 2019

Pada September 2019, perdagangan dengan China yang mewakili 17.2% atau RM25.25 bilion daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 3.8% tahun ke tahun selepas mencatatkan penurunan 7.9% pada Ogos. Eksport bernilai RM10.85 bilion, menurun 3% disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E, kimia dan bahan kimia, keluaran petroleum dan gas asli cecair (LNG). Barangan yang mencatatkan peningkatan adalah minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, barangan kertas dan palpa, barangan optik dan saintifik serta barangan makanan diproses. Import dari China meningkat 9.7% kepada RM14.4 bilion.

Berbanding Ogos 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun 4.7%, 5.6% dan 4%.

Perdagangan dengan China pada tempoh Januari hingga September 2019 berjumlah RM229 bilion, menurun 0.7% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport ke China menyusut secara marginal 0.4% kepada RM99.81 bilion, disebabkan oleh penurunan eksport barangan E&E, keluaran petroleum dan keluaran getah. Namun begitu, perkembangan eksport dapat dilihat bagi LNG, barangan besi dan keluli serta kimia dan bahan kimia. Import dari China mencatatkan penurunan 0.8% kepada RM129.19 bilion.

EU – Eksport barangan E&E, Keluaran Petroleum dan Jentera mencatatkan Peningkatan pada Januari-September 2019

Perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang menyumbang 9.2% kepada jumlah perdagangan Malaysia pada September 2019, turun 3.3% tahun ke tahun kepada

RM13.47 bilion. Eksport berjumlah RM7.36 bilion, menurun 10.8% berikutan penurunan eksport barangan E&E serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. Import dari EU bernilai RM6.11 bilion, meningkat 7.5%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 6.9%, 8.5% dan 4.8%.

Pada 9 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan EU berjumlah RM132.16 bilion, menurun 3.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM72.82 bilion, menurun 2.4% disebabkan pengurangan eksport barangan perkilangan logam, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta kimia dan bahan kimia. Peningkatan eksport direkodkan bagi barangan E&E, keluaran petroleum serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Import dari EU menurun 5.8% kepada RM59.34 bilion.

Eksport ke AS terus Berkembang pada September 2019

Perdagangan dengan AS pada September 2019 berkembang 3.8% tahun ke tahun kepada RM13.79 bilion, merangkumi 9.4% jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke AS terus meningkat bagi 6 bulan berturut-turut dengan peningkatan 6.6% tahun ke tahun kepada RM8.22 bilion pada September 2019. Eksport yang lebih tinggi dicatatkan bagi barangan perkilangan terutamanya barangan E&E, barangan kayu, barangan perkilangan logam, barangan galian bukan logam serta kelengkapan pengangkutan. Import dari AS turun secara marginal sebanyak 0.04% kepada RM5.56 bilion.

Berbanding Ogos 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing menurun 4.5%, 1.2% dan 9%.

Pada tempoh 9 bulan pertama tahun 2019, perdagangan dengan AS berkembang 4.8% kepada RM120.26 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport meningkat 4.6% kepada RM69.99 bilion disumbangkan oleh peningkatan eksport

barangan E&E, barangan kayu, barangan perkilangan plastik, barangan makanan diproses dan keluaran getah. Import dari AS meningkat 5% kepada RM50.27 bilion.

Jepun – Perdagangan Meningkat selepas Menyusut 3 bulan Berturut-turut

Pada September 2019, perdagangan dengan Jepun yang menyerap 7.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia meningkat 0.6% tahun ke tahun kepada RM10.74 bilion. Eksport berjumlah RM5.42 bilion, menurun 1.7% berikutan pengurangan eksport barangan kayu, LNG dan barangan perkilangan logam. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport direkodkan bagi petroleum mentah, barangan kertas dan palpa, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta kelengkapan pengangkutan. Import dari Jepun berkembang 3% kepada RM5.32 bilion.

Berbanding Ogos 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 4.6%, 9.2% dan 0.3%.

Bagi tempoh Januari hingga September 2019, perdagangan dengan Jepun bernilai RM95.59 bilion, 3.4% lebih rendah berbanding tempoh yang sama tahun 2018. Eksport bernilai RM49.47 bilion, menurun 3.8% disebabkan penurunan eksport LNG, barangan optik dan saintifik serta barangan kayu. Peningkatan eksport direkodkan bagi kelengkapan pengangkutan, barangan makanan diproses serta tekstil, pakaian dan kasut. Import dari Jepun menguncup 2.9% kepada RM46.12 bilion.

Perdagangan dengan Rakan Dagang FTA

Pada September 2019, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang merangkumi 62.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM91.99 bilion, menurun 1.8% tahun ke tahun. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM47.18 bilion, menurun 5.9% dan import berjumlah RM44.82 bilion, meningkat 2.8%.

Peningkatan eksport direkodkan ke **India**, sebanyak 10.6% kepada RM2.94 bilion berikutan peningkatan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit dan **Pakistan** (↑34.6% kepada RM472.6 juta) disumbangkan oleh keluaran petroleum.

Berbanding Ogos 2019, perdagangan, eksport dan import masing-masing merekodkan pengurangan 2.1%, 3.9% dan 0.1%.

Perdagangan dengan rakan dagang FTA pada 9 bulan pertama tahun 2019 yang merangkumi 62% daripada jumlah perdagangan Malaysia bernilai RM841.16 bilion, turun 2.4%. Eksport berjumlah RM445.99 bilion, menyusut 1.1% manakala import menurun 3.9% kepada RM395.17 bilion.

Prestasi Import

Import pada bulan September 2019 meningkat 2.4% kepada RM69.37 bilion berbanding RM67.77 bilion pada September 2018. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir yang merangkumi 77.4% daripada jumlah keseluruhan import adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM39.93 bilion atau 57.6% syer daripada jumlah import, meningkat 11.1%, berikutan peningkatan import bahan api utama dan pelincir, terutamanya bahan api dan minyak;
- **Barang modal**, bernilai RM7.85 bilion atau 11.3% daripada jumlah import, meningkat 7.3%, disebabkan terutamanya pertambahan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) khasnya alat ganti jentera dan kelengkapan elektrik; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM5.93 bilion atau 8.5% daripada jumlah import, berkembang 15.1%, berikutan peningkatan import barang separa tahan lama, terutamanya plastik.

Pada tempoh Januari hingga September 2019, import bernilai RM627.66 bilion, menguncup 3.3% berbanding tempoh yang sama tahun 2018. **Barang pengantara** berjumlah RM346.79 bilion, meningkat 1.1%, **barang modal** (RM73.45 bilion, ↓11.5%) dan **barang penggunaan** (RM54.31 bilion, ↑1.8%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barangan untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barangan fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barangan didefinisikan sebagai “barangan fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran”.

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan “PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN” yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Isnin, 4 November 2019 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

+ Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan September 2019 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan April 2018, pemilihan kod untuk eksport dan import bagi minyak sawit dan keluaran berasaskan minyak sawit telah dikaji semula serta dikemaskini untuk lebih mewakili barangan tersebut, dan ini telah menyebabkan sedikit perubahan pada data.

Rakan dagang FTA terdiri daripada China, Singapura, Jepun, Thailand, Republik Korea, Indonesia, India, Australia, Viet Nam, Filipina, New Zealand, Turki, Pakistan, Myanmar, Kemboja, Brunei, Chile dan Lao PDR.

JADUAL 1 : RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah</u> <u>Ekspor</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Import</u> (RM Juta)	<u>Imbangan</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)	<u>Jumlah</u> <u>Perdagangan</u> (RM Juta)
2018^f				
Januari	83,252.4	73,201.3	10,051.1	156,453.7
Februari	70,552.3	61,416.8	9,135.6	131,969.1
Mac	84,855.7	69,896.7	14,959.0	154,752.4
April	84,636.4	71,373.5	13,262.9	156,009.9
Mei	82,862.0	74,039.6	8,822.4	156,901.6
Jun	78,845.2	72,746.2	6,098.9	151,591.4
Julai	86,474.6	78,349.1	8,125.5	164,823.8
Ogos	81,982.2	80,536.1	1,446.1	162,518.3
September	83,341.9	67,770.9	15,571.0	151,112.9
Oktober	97,122.0	80,270.5	16,851.6	177,392.5
November	85,542.5	77,046.3	8,496.2	162,588.8
Disember	84,119.5	73,156.9	10,962.6	157,276.5
2018 (Jan-Dis)^f	1,003,586.9	879,804.0	123,782.9	1,883,390.9
2019^P				
Januari	85,399.9	73,885.7	11,514.2	159,285.5
Februari	66,599.5	55,543.1	11,056.4	122,142.5
Mac	84,063.2	69,678.9	14,384.2	153,742.1
April	85,155.0	74,345.6	10,809.4	159,500.6
Mei	84,138.2	75,062.7	9,075.5	159,201.0
Jun	76,143.2	65,631.0	10,512.2	141,774.2
Julai	87,958.4	73,682.5	14,275.9	161,640.9
Ogos	81,357.4	70,460.9	10,896.4	151,818.3
September	77,704.3	69,367.2	8,337.1	147,071.5
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	-4.5	-1.6	-23.5	-3.1
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	-6.8	2.4	-46.5	-2.7
2018^f				
S1	238,660.4	204,514.8	34,145.7	443,175.2
S2	246,343.6	218,159.3	28,184.2	464,502.9
S3	251,798.7	226,656.2	25,142.6	478,454.9
S4	266,784.1	230,473.7	36,310.4	497,257.8
2019^P				
S1	236,062.5	199,107.7	36,954.8	435,170.2

S2	245,436.4	215,039.3	30,397.1	460,475.7
S3	247,020.1	213,510.6	33,509.5	460,530.7
<i>Perubahan m-o-m (%)</i>	0.6	-0.7	10.2	0.01
<i>Perubahan y-o-y (%)</i>	-1.9	-5.8	33.3	-3.7
2018 (Jan-Sep) ^f	736,802.8	649,330.3	87,472.5	1,386,133.1
2019 (Jan-Sep)^p	728,519.0	627,657.6	100,861.4	1,356,176.6
<i>Perubahan (%)</i>	-1.1	-3.3	15.3	-2.2

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	September 2019 ^P	Ogos 2019 ^P	September 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	77,704.3	81,357.4	83,341.9	-4.5	-6.8
Barangan E&E	29,043.5	29,666.2	33,093.6	-2.1	-12.2
Keluaran Petroleum	5,342.9	5,431.2	6,166.3	-1.6	-13.4
Kimia & Bahan Kimia	4,330.9	4,767.1	4,894.4	-9.1	-11.5
Barangan Optik & Saintifik	3,552.2	2,777.4	3,148.3	27.9	12.8
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	3,429.4	4,079.9	3,784.5	-15.9	-9.4
Barangan Perkilangan Logam	3,335.2	3,964.6	3,181.4	-15.9	4.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,285.2	3,462.4	3,072.4	-5.1	6.9
LNG	3,265.5	2,899.7	3,327.1	12.6	-1.8
Keluaran Getah	2,095.5	2,239.7	2,147.9	-6.4	-2.4
Kelengkapan Pengangkutan	1,991.7	1,683.3	1,355.8	18.3	46.9

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	September 2019 ^P	Ogos 2019 ^P	September 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	77,704.3	81,357.4	83,341.9	-4.5	-6.8
China	10,849.2	11,490.5	11,183.2	-5.6	-3.0
Singapura	10,716.9	10,940.1	12,139.7	-2.0	-11.7
AS	8,224.8	8,323.8	7,717.4	-1.2	6.6
Jepun	5,421.2	4,964.3	5,516.3	9.2	-1.7
Hong Kong SAR	5,063.5	4,988.6	6,885.7	1.5	-26.5
Thailand	4,018.6	4,241.1	4,199.6	-5.2	-4.3
Taiwan	3,101.5	2,555.0	2,858.8	21.4	8.5
India	2,938.4	3,612.1	2,656.8	-18.7	10.6
ROK	2,801.6	2,747.7	2,802.4	2.0	-0.03
Viet Nam	2,464.1	2,962.5	2,604.2	-16.8	-5.4

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - SEPTEMBER)

Barangan	Jan-Sep 2019 ^p	Jan-Sep 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	728,519.0	736,802.8	-1.1
Barangan E&E	276,628.3	278,875.0	-0.8
Keluaran Petroleum	52,397.7	55,423.9	-5.5
Kimia & Bahan Kimia	42,303.8	41,646.2	1.6
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	31,827.2	33,950.5	-6.3
Barangan Perkilangan Logam	31,373.4	33,510.1	-6.4
LNG	31,139.2	28,414.1	9.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	30,790.8	30,618.9	0.6
Barangan Optik & Sainifik	27,315.2	26,690.9	2.3
Petroleum Mentah	19,780.6	26,699.9	-25.9
Keluaran Getah	18,831.7	19,596.8	-3.9

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - SEPTEMBER)

Pasaran	Jan-Sep 2019 ^p	Jan-Sep 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Eksport	728,519.0	736,802.8	-1.1
Singapura	99,833.9	101,875.2	-2.0
China	99,807.7	100,227.0	-0.4
AS	69,994.7	66,923.1	4.6
Jepun	49,474.9	51,436.2	-3.8
Hong Kong SAR	49,137.1	54,998.4	-10.7
Thailand	42,707.9	41,840.9	2.1
India	29,396.9	27,348.3	7.5
Taiwan	26,588.3	23,265.1	14.3
Viet Nam	25,440.4	24,964.9	1.9
ROK	24,610.0	24,335.6	1.1

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S3 2019 ^p	S2 2019 ^p	S3 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	247,020.1	245,436.4	251,798.7	0.6	-1.9
Barangan E&E	94,753.4	90,531.9	99,646.0	4.7	-4.9
Keluaran Petroleum	17,197.3	20,008.4	17,444.9	-14.0	-1.4
Kimia & Bahan Kimia	13,982.0	14,189.0	14,676.9	-1.5	-4.7
Barangan Perkilangan Logam	10,891.5	11,058.5	10,252.1	-1.5	6.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Minyak Sawit	10,533.1	10,976.8	10,576.3	-4.0	-0.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	10,484.3	10,556.6	9,814.4	-0.7	6.8
LNG	9,513.2	9,446.1	9,142.6	0.7	4.1
Barangan Optik & Saintifik	9,399.3	9,190.5	9,458.3	2.3	-0.6
Keluaran Getah	6,359.7	6,211.5	6,716.4	2.4	-5.3
Barangan Makanan Diproses	5,661.7	5,359.7	4,868.3	5.6	16.3

JADUAL 7: PASARAN UTAMA EKSPORT (SUKU TAHUNAN)

Pasaran	S3 2019 ^p	S2 2019 ^p	S3 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Eksport	247,020.1	245,436.4	251,798.7	0.6	-1.9
China	35,679.1	32,931.0	35,860.6	8.3	-0.5
Singapura	34,002.6	34,083.3	35,851.7	-0.2	-5.2
AS	24,909.8	23,182.6	23,262.0	7.5	7.1
Hong Kong SAR	16,676.4	16,425.4	19,247.3	1.5	-13.4
Jepun	15,585.8	15,906.4	15,910.6	-2.0	-2.0
Thailand	13,113.2	14,583.8	13,802.5	-10.1	-5.0
India	9,594.3	10,651.6	9,286.2	-9.9	3.3
Taiwan	9,376.6	9,330.1	8,579.1	0.5	9.3
Viet Nam	8,588.0	8,927.2	7,950.8	-3.8	8.0
ROK	8,449.4	7,841.1	8,594.6	7.8	-1.7

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	September 2019 ^p	Ogos 2019 ^p	September 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	69,367.2	70,460.9	67,770.9	-1.6	2.4
Barangan E&E	20,052.5	20,857.7	21,272.6	-3.9	-5.7
Kimia & Bahan Kimia	6,619.7	7,482.4	7,149.8	-11.5	-7.4
Keluaran Petroleum	6,610.5	5,679.7	7,075.6	16.4	-6.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,046.6	5,720.7	5,229.0	5.7	15.6
Barangan Perkilangan Logam	3,764.5	3,562.3	3,530.0	5.7	6.6
Kelengkapan Pengangkutan	3,042.1	3,565.6	2,257.3	-14.7	34.8
Barangan Besi & Keluli	2,821.5	2,930.7	2,529.7	-3.7	11.5
Petroleum Mentah	2,149.3	1,555.7	798.2	38.2	169.3
Barangan Optik & Saintifik	2,067.8	2,027.7	1,961.3	2.0	5.4
Barangan Makanan Diproses	1,497.7	1,735.4	1,513.6	-13.7	-1.1

JADUAL 9: SUMBER UTAMA IMPORT

Sumber	September 2019 ^p	Ogos 2019 ^p	September 2018 ^f	Perubahan m-o-m	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	69,367.2	70,460.9	67,770.9	-1.6	2.4
China	14,398.7	14,998.5	13,130.5	-4.0	9.7
Singapura	7,697.9	7,161.9	9,166.2	7.5	-16.0
AS	5,560.5	6,113.0	5,562.6	-9.0	-0.04
Jepun	5,319.0	5,304.0	5,164.1	0.3	3.0
Taiwan	4,449.9	4,681.8	5,362.8	-5.0	-17.0
ROK	3,633.9	3,299.6	3,038.4	10.1	19.6
Thailand	3,542.4	3,627.1	3,900.0	-2.3	-9.2
Indonesia	3,104.9	3,206.8	2,945.5	-3.2	5.4
India	2,300.3	2,155.6	1,922.9	6.7	19.6
Jerman	2,267.3	2,294.6	1,900.9	-1.2	19.3

JADUAL 10: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - SEPTEMBER)

Barangan	Jan-Sep 2019 ^p	Jan-Sep 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	627,657.6	649,330.3	-3.3
Barangan E&E	181,169.6	194,556.4	-6.9
Kimia & Bahan Kimia	61,797.6	61,232.4	0.9
Keluaran Petroleum	55,616.6	60,549.6	-8.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	52,361.1	55,157.3	-5.1
Barangan Perkilangan Logam	33,137.5	33,876.9	-2.2
Kelengkapan Pengangkutan	30,367.3	33,939.7	-10.5
Barangan Besi & Keluli	23,066.9	23,475.1	-1.7
Petroleum Mentah	19,971.3	15,948.2	25.2
Barangan Optik & Sainifik	17,668.7	17,431.5	1.4
Barangan Makanan Diproses	14,881.0	14,518.1	2.5

JADUAL 11: SUMBER UTAMA IMPORT (JANUARI - SEPTEMBER)

Sumber	Jan-Sep 2019 ^p	Jan-Sep 2018 ^f	Perubahan
	RM Juta	RM Juta	%
Jumlah Import	627,657.6	649,330.3	-3.3
China	129,189.0	130,288.1	-0.8
Singapura	64,892.5	76,077.5	-14.7
AS	50,270.2	47,883.6	5.0
Jepun	46,116.2	47,509.9	-2.9
Taiwan	42,813.0	46,790.7	-8.5
Thailand	33,234.6	36,185.7	-8.2
ROK	29,328.9	28,849.9	1.7
Indonesia	28,582.7	29,423.1	-2.9
Jerman	20,381.1	19,563.6	4.2
India	17,214.1	18,460.3	-6.8

JADUAL 12: BARANGAN UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Barangan	S3 2019 ^p	S2 2019 ^p	S3 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	213,510.6	215,039.3	226,656.2	-0.7	-5.8
Barangan E&E	61,643.2	59,508.7	70,023.5	3.6	-12.0
Kimia & Bahan Kimia	21,226.4	21,069.6	22,088.5	0.7	-3.9
Keluaran Petroleum	18,342.2	21,526.3	19,900.3	-14.8	-7.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	18,090.8	17,669.0	18,446.5	2.4	-1.9
Barangan Perkilangan Logam	10,994.3	11,356.1	11,590.3	-3.2	-5.1
Kelengkapan Pengangkutan	9,813.7	10,580.0	10,989.1	-7.2	-10.7
Barangan Besi & Keluli	8,489.4	7,595.8	8,045.8	11.8	5.5
Petroleum Mentah	6,500.6	7,212.0	5,991.9	-9.9	8.5
Barangan Optik & Saintifik	6,218.6	6,095.2	6,182.2	2.0	0.6
Barangan Makanan Diproses	5,039.7	5,044.0	5,100.0	-0.1	-1.2

JADUAL 13: SUMBER UTAMA IMPORT (SUKU TAHUNAN)

Sumber	S3 2019 ^p	S2 2019 ^p	S3 2018 ^f	Perubahan q-o-q	Perubahan y-o-y
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%	%
Jumlah Import	213,510.6	215,039.3	226,656.2	-0.7	-5.8
China	44,561.0	43,802.9	45,654.6	1.7	-2.4
Singapura	21,956.5	21,533.5	26,805.2	2.0	-18.1
AS	17,360.7	16,886.7	17,406.6	2.8	-0.3
Jepun	15,946.0	15,498.1	16,156.7	2.9	-1.3
Taiwan	13,992.4	14,987.5	17,532.0	-6.6	-20.2
ROK	10,821.4	9,739.7	9,552.5	11.1	13.3
Thailand	10,666.9	11,258.2	12,446.8	-5.3	-14.3
Indonesia	10,058.7	9,815.7	10,604.8	2.5	-5.1
Jerman	7,063.4	6,990.0	6,558.3	1.0	7.7
India	6,168.6	6,180.6	6,364.6	-0.2	-3.1

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia
Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

p - data provisional

f – data muktamad

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2013 – SEPTEMBER 2019

